

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN : Dato' Haji Mahfuz bin Omar minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

- (a) Jumlah import beras berbanding pengeluaran beras tempatan untuk tahun 2012, 2013 dan 2014; dan
- (b) Jumlah individu/syarikat yang mendapat kuota penyediaan beras ST15 tempatan dan jumlah berat metrik tan setiap bulan bagi setiap penerima.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Jumlah pengeluaran beras tempatan adalah berjumlah 1.675 juta metrik tan bagi tahun 2012, 1.685 juta metrik tan bagi tahun 2013 dan 1.704 juta metrik tan pada tahun 2014, sementara pengimportan beras pula adalah sebanyak 983,026 metrik tan bagi tahun 2012, 853,358 metrik tan bagi tahun 2013 dan 863,358 metrik tan pada tahun 2014. Pengimportan beras ini adalah bagi menampung keperluan penggunaan domestik yang berjumlah di antara 2.4 hingga 2.6 juta metrik tan setahun dan memastikan simpanan stok penimbal beras berada di paras 292,000 tan pada sesuatu masa.

- (b) Bagi bulan Januari 2015, terdapat 478 buah syarikat pemborong yang telah diluluskan untuk pengedaran beras ST15% berjumlah 36,410 tan. Bagi Februari 2015 pula 861 buah syarikat pemborong yang terlibat dengan jumlah 53,790 tan manakala Mac 2015 melibatkan 858 buah syarikat pemborong dengan jumlah 53,900 tan. Setiap pemborong ditetapkan kuota di antara 20 tan sehingga 200 tan sebulan mengikut kawasan dan kemampuan pengampitan beras oleh syarikat.